

1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
September
2008
2 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
NEGERI PERAK
2008

PENDIDIKAN ISLAM

KERTAS 1

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Bahagian A mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab semua soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini*
3. *Bahagian B mengandungi empat soalan subjektif. Soalan 1 dan Soalan 2 wajib dijawab dan pilih mana-mana satu soalan berikutnya. Kesemua tiga soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan..*
4. *Ceraikan jawapan Bahagian A dan ikatkan bersama-sama dengan kertas jawapan Bahagian B.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 1 hingga Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. **Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.**

1 Hubungan jenis antara perempuan dengan perempuan

- A Zina
- B Qazaf
- C Liwat
- D Musahaqah

2

- Jawatan imam hanya layak disandang Ahlul Bait
- Jawatan imam anugerah Allah
- Jawatan imam hanya layak disandang oleh 12 imam

- A Syiah Zaidiyah
- B Syiah Imamiah
- C Syiah Batiniyah
- D Syiah Ismailiah

3

Melemparkan tuduhan kepada seseorang tanpa bukti.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A menipu
- B menuduh
- C mengumpat
- D memfitnah

4 Berikut ialah contoh syirik khafi **kecuali**

- A Qanaah
- B Takbur
- C Ujub
- D Riak

5

- Benci kepada kekufuran
- Cinta kepada Allah dan Rasul melebihi segalanya
- Mengasihi sesama manusia kerana Allah

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Rukun iman
- B Martabat iman
- C Kemuliaan iman
- D Kemanisan iman

6

Dibolehkan membayar mengikut nilai harga dam

Pernyataan di atas merujuk kepada jenis dam

- A Takhyir
- B Takdir
- C Takdil
- D Tertib

7 Hukum memberi hutang kepada orang yang sangat memerlukan bantuan ialah

- A Wajib
- B Sunat
- C Harus
- D Makruh

- 8 Antara pernyataan berikut yang manakah prinsip-prinsip insurans dalam Islam
- Perjanjian bantu membantu di kalangan pemegang polisi
 - Mempunyai nilai tetap dan tidak bertambah
 - Memberi keuntungan yang saksama antara ahli
 - Tiada unsur-unsur spekulasi
- A i dan ii
B i dan iii
C ii dan iii
D iii dan iv
- 9 Antara berikut yang manakah **bukan** perkara yang sunat dilakukan pada hari ke tujuh kelahiran bayi?
- A mencukur rambut
B memberi nama
C berkhatan
D akikah
- 10 Pernyataan berikut merupakan kifarah zihar
- memerdekakan seorang hamba
 - berpuasa dua bulan berturut-turut
 - menyembelih seekor unta
 - memberi makan 10 orang miskin
- A i dan ii
B i dan iii
C ii dan iii
D iii dan iv
- 11 Bidang kuasa Mahkamah Syariah diberi kuasa bagi kesalahan yang dihukum
- Denda sehingga RM 5000
 - Penjara hingga 3 bulan
 - Penjara hingga 3 tahun
 - Disebat 5 kali rotan
- A i dan ii
B i dan iii
C ii dan iii
D iii dan iv

12

- Tidak boleh dirujuk.
- Jika hamil berhak mendapat nafkah.

Pernyataan di atas merujuk

- A Talak Bid'ei
- B Talak Sunni
- C Talak Bain Kubra
- D Talak Bain Sughra

13

Menanamkan prinsip-prinsip akhlak dan budi luhur ke dalam diri anak semenjak usia mumayyiz hingga baligh dan hingga dewasa.

Pernyataan di atas merupakan tanggungjawab ibubapa terhadap anak dari aspek

- A Pendidikan Jasmani
- B Pendidikan Rohani
- C Pendidikan Islam
- D Pendidikan Moral

14

- Panglima yang mengetuai tentera memerangi penduduk Ghassan yang membunuh utusan Rasulullah SAW.
- Berlaku di zaman pemerintahan Saidina Abu Bakar r.a.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Khalid Al-Walid
- B Saidina Hamzah
- C Usamah bin Zaid
- D Zaid bin Harithah

15

Pusat perkembangan ilmu zaman Kerajaan Umayyah ialah

- A Basrah
- B Baghdad
- C Damsyik
- D Cordova

16 Jamaluddin Al-Afghani telah mengasaskan sebuah akhbar yang diterbitkan di Perancis iaitu

- A Neraca
- B Al-Imam
- C Al-Manir
- D Urwatul Wusqa

17 Pada zaman Kerajaan Abbasiyah perbelanjaan negara dikawal oleh Baitul Mal melalui

- A Diwan al-Kharaj
- B Diwan al-Nafaqah
- C Diwan al-Jundi
- D Diwan al-Usul

18

X	<ul style="list-style-type: none"> • Digelar al-Hakam kerana menghafaz lebih 700,000 hadis. • Mahir dalam ilmu hadis.
---	---

Siapakah tokoh X?

- A Imam Bukhari
- B Imam Hanafi
- C Imam Ahmad
- D Imam Malik

19 Apabila mendengar berita kematian hendaklah berkata

- A Innalillahi wa inna ilaihirajiun
- B Astaghfirullah al azim
- C La ilaha illallah
- D Subhanallah

20 Apakah hukum menziarahi Masjid al Haram, Masjid al Aqsa dan Masjid al Nabawi ?

- A Harus
- B Sunat
- C Wajib
- D Makruh

Soalan 21 hingga Soalan 40


Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

21 Anak yatim ialah kanak-kanak yang kematian bapa sebelum_____.


Soalan 22 dan Soalan 23 berdasarkan pernyataan di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Jenis Jenayah	Maksud
22 _____	Mengambil hak orang lain secara sembunyi yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin.
23 _____	Mengambil hak orang lain secara kekerasan yang disimpan di tempat simpanan tanpa izin.

Soalan 24 dan Soalan 25 berdasarkan carta di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.




Soalan 26 dan Soalan 27 berdasarkan carta di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



28. Pemberian wajib daripada suami kepada isteri mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak ialah _____.
29. “Aku terima nikah Jamilah dengan mas kahwinnya RM 101.00 tunai”
Lafaz di atas ialah _____.
30. Menghubungkan silaturrahim antara keluarga suami dan isteri merupakan tanggungjawab _____.
31. Para pedagang menggunakan _____ dalam urusan kewangan pada zaman Kerajaan Abbasiyah.

Soalan 32 dan Soalan 33 berdasarkan carta di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Struktur Tentera Islam Abbasiyah



34 _____ ialah pengasas Kerajaan Umayyah.


35

- Nama sebenar Abdul Rahman bin Muhammad bin Muhammad
- Lahir di Tunisia
- Pengarang kitab al-Muqaddimah

Tokoh di atas dikenali sebagai _____.

36 Di Barat Ibnu Sina dikenali sebagai _____.

Soalan 37 dan Soalan 38 berdasarkan carta di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.



39 Pemberian sebagai satu penghargaan atau tanda kasih sayang atau pujian ialah _____.

40 Husein Ali al-Mazandarani ialah pengasas ajaran _____.

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan : Soalan 1, Soalan 2 dan mana-mana satu soalan berikutnya.

- 1 (a) Amalan khurafat masih berlaku di kalangan masyarakat Islam hari ini.
- (i) Apakah maksud khurafat ? [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **empat** contoh amalan khurafat. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** faktor berlakunya amalan tersebut. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud arak. [2 markah]
- (ii) Nyatakan akibat arak terhadap individu. [2 markah]
 - (iii) Terangkan cara untuk mencegah perbuatan tersebut daripada berleluasa. [2 markah]
- (c) Golongan Khawarij muncul selepas peristiwa Majlis Tahkim.
- (i) Siapakah golongan Khawarij ? [2 markah]
 - (ii) Nyatakan pegangan golongan tersebut. [2 markah]
- 2 (a) Gadaian ialah suatu barangan yang bernilai yang dijadikan cagaran oleh pemiliknya untuk mendapatkan pinjaman.
- (i) Senaraikan **dua** rukun gadaian. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** perkara yang membatalkan gadaian. [4 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara gadaian Islam dengan gadaian bukan Islam. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan maksud meminang. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** cara meminang. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan batas-batas pergaulan dalam tempoh pertunangan. [2 markah]
- (c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut:
- (i) Encik Rosli terlupa berniat ihram umrah di Bir Ali dalam perjalanannya dari Madinah ke Mekah. [2 markah]
 - (ii) Aminah menerima pinangan Hamid selepas sebulan bercerai dengan suaminya. [2 markah]

- 3 (a) Setiap Khalifah al Rasyidin mempunyai polisi pentadbiran masing-masing.
- (i) Nyatakan polisi pentadbiran Khalifah Ali bin Abi Talib. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** akibat membelakangkan kepimpinan Khulafa' al Rasyidin. [4 markah]
- (b) Imam Bukhari adalah seorang yang tekun dan gigih mencari ilmu serta sangat menghormati hadis.
- (i) Namakan hasil karya Imam Bukhari dalam bidang ilmu hadis. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Imam Bukhari dalam menentukan kesahihan hadis. [2 markah]
 - (iii) Terangkan pengajaran yang boleh anda contohi daripada kegigihan beliau. [2 markah]
- (c) Islam sangat mementingkan umatnya yang cergas dan bersemangat waja dalam menjalani kehidupan.
- (i) Apakah maksud rekreasi? [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** adab berekreasi. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah beradab di tempat rekreasi. [4 markah]
- 4 (a) Ketenteraan memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan negara.
- (i) Nyatakan **dua** tugas rasmi angkatan tentera pada zaman Kerajaan Abbasiyah. [4 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor kejayaan bidang ketenteraan zaman kerajaan tersebut. [2 markah]
- (b) Syeikh Muhammad Abduh merupakan tokoh Islah di Mesir.
- (i) Nyatakan pendidikan Syeikh Muhammad Abduh. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** metode Islah yang dilaksanakan oleh beliau. [2 markah]
 - (iii) Sebagai seorang pelajar, bagaimana anda mencontohi keperibadian Syeikh Muhammad Abduh. [2 markah]
- (c) Islam menggalakkan umatnya menceburi bidang perniagaan .
- (i) Apakah maksud berniaga? [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** adab ketika berniaga. [2 markah]
 - (iii) Huraikan **dua** faedah beradab dalam bidang tersebut. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT